



## POLISI PENGGUNAAN KOMPUTER SERVER

Tarikh Kuatkuasa	21 Feb 2005	Pindaan		Diluluskan Oleh	_____ Naib Canselor UNISEL
------------------	-------------	---------	--	-----------------	-------------------------------

### 9.1 Tujuan Polisi

Polisi ini menerangkan peraturan dan perkara yang perlu dipatuhi untuk pengoperasian komputer server di UNISEL.

### 9.2 Skop Polisi

Server merangkumi semua sistem komputer server (perkakasan dan perisian) yang dibangunkan atau disediakan oleh pengguna-pengguna yang dibenarkan. Ini termasuk server aplikasi, server rangkaian dan server kegunaan setempat.

### 9.3 Polisi Penggunaan

Setiap FPJ atau penyedia server perlu mematuhi peraturan-peraturan berikut:

- i. Semua server untuk kegunaan dalaman akan diberi alamat IP dalaman statik. Alamat IP global boleh dipertimbangkan oleh Pusat ICT (sebagai pentadbir alamat IP UNISEL) untuk keperluan mencapai fail daripada Internet melalui server;
- ii. Server yang terlibat secara langsung dengan Internet seperti server perkhidmatan email, laman web dan FTP akan diberi alamat IP global. Semua server ini perlu didaftarkan dengan Pusat ICT, berada di dalam domain UNISEL dan perlu menyatakan dengan jelas fungsi server tersebut;
- iii. Pentadbir server perlu memastikan keselamatan server daripada pencerobohan. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) membuat pemeriksaan ke atas proses tersembunyi ('hidden processes'), 'daemons', mengemaskini perisian seperti email dan laman web, dan mengenalpasti pengguna-pengguna. FPJ penyedia server boleh menyediakan 'firewall' khusus untuk tujuan ini;
- iv. Pentadbir server perlu mengenal pasti tahap capaian pengguna dan penggunaan server secara jelas. Ini akan menghasilkan capaian yang lebih terkawal;
- v. Server yang melibatkan penyimpanan maklumat yang penting dan kritikal perlu mempunyai penduaan ('backup') yang lengkap untuk mengelak kehilangan maklumat dan mengurangkan masa 'downtime'. Urusan operasi penduaan adalah di bawah tanggung jawab penyedia server;
- vi. Server yang digunakan untuk tujuan penyelidikan yang menggunakan rangkaian secara intensif ('high bandwidth usage') perlu ditempatkan dalam rangkaian persendirian yang dipisahkan daripada UNISELNet melalui penggunaan

'switch'/'router' untuk mengelakkan gangguan kepada rangkaian utama. Sebarang ujian yang memerlukan penggunaan rangkaian UNISELNet secara terus perlu mendapat kelulusan daripada Pengurus Pusat ICT;

- vii. Server yang digunakan untuk projek pelajar perlu mendapat kelulusan daripada penyelia projek/Dekan. Alamat IP dalaman statik digunakan untuk server ini. Alamat IP global boleh diberi kepada projek yang memerlukan capaian Internet;
- viii. Semua pentadbir/penyedia server perlu mematuhi peraturan berikut:
  - a. Pertukaran alamat IP tidak dibenarkan sama sekali tanpa kebenaran pentadbir alamat IP;
  - b. Login dan kata laluan untuk 'root' dan 'super-user' adalah di bawah kawalan dan tanggungjawab pentadbir server sepenuhnya; dan
  - c. Pentadbir server di FPJ bertanggungjawab memastikan server tidak disalahguna untuk tujuan yang bukan sepatutnya.

#### **9.4 Permohonan Menyediakan Komputer Server**

Setiap komputer server yang ingin dibangunkan atau disediakan perlu mendapat kelulusan Pengurus Pusat ICT dengan mengisi borang B-PICT 9/1.